



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

Ruj. Kami : Bil (63) MPM.JKP.500-1/4/2 JLD.11

JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA5
KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN/KUASA TEMPATAN	: MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: SISTEM MAKLUMAT
JADUAL GAJI (MIN – MAKS)	: RM1,650.00 – RM6,620.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM 145.00
SYARAT LANTIKAN	: 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) i. Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau ii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau iii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau

- iv. Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00).

BILANGAN KEKOSONGAN DAN TARAF JAWATAN

**3 KEKOSONGAN DI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)
TANPA WARAN JAWATAN TETAP**

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Rujuk Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Pekeliling Bil.1/2024

FUNGSI BIDANG TUGAS

PENTADBIR PANGKALAN DATA

- Mereka, membangun dan menyelenggara pangkalan data supaya mempunyai struktur yang cekap dan selamat.
- Pengurusan keselamatan pangkalan data dan data merangkumi keselamatan, integriti dan kerahsiaan data seperti mengawal akses pengguna, menyediakan polisi keselamatan dan pelan pemulihan bencana.
- Pemantauan prestasi sistem dan pangkalan data dengan melakukan pelarasan (*tuning*) secara berkala untuk memastikan berada pada prestasi yang optimum.
- Sandaran dan pemulihan data (*Backup & Recovery*) dengan melaksanakan proses sandaran secara harian, mingguan atau bulanan serta memastikan sistem, pangkalan data dan data dapat dipulihkan semasa berlaku kegagalan pelayan, sistem atau pangkalan data.
- Mengemaskini dan menaik taraf sistem dan pangkalan data secara berkala.
- Memberi khidmat sokongan teknikal dan penyelesaian masalah kepada pengguna serta memberikan kerjasama yang rapat dengan bahagian yang lain.
- Menyedia dan mengemaskini dokumentasi sistem dan pangkalan data berkenaan struktur, polisi, prosedur dan lain – lain perkara yang berkaitan.
- Mengikuti perkembangan teknologi dan trend terkini dalam pembangunan pangkalan data.

PEMBANGUN APLIKASI DAN WEB

- Membangun dan menyelenggara aplikasi mudah alih (Android / IOS) dan laman web.
- Mengumpul keperluan sistem dan menukar spesifikasi kepada kod fungsi.
- Mahir menggunakan bahasa pengaturcaraan seperti HTML, XML, JQuery, VueJS, Bootstrap, JS Web Framework, CSS, JavaScript, PHP, Flutter, React, Swift, Ionic, Phone Gap atau lain - lain mengikut keperluan sistem / projek
- Mahir menggunakan CMS seperti Joomla, Wordpress dan lain – lain.
- Menyepadukan sistem dengan API (SOAP / RESTFUL), pangkalan data dan perkhidmatan pihak ketiga.
- Melaksanakan ujian, debugging dan mengoptimumkan prestasi aplikasi dan web.
- Bekerjasama dengan bahagian yang lain untuk pembangunan aplikasi dan web.
- Menyedia dan mengemaskini dokumentasi aplikasi dan web berkenaan struktur, polisi, prosedur dan lain – lain perkara yang berkaitan.
- Mengikuti perkembangan teknologi dan trend terkini dalam pembangunan perisian.

PENGURUSAN BANDAR PINTAR DAN GIS

- Perancangan dan pelaksanaan inisiatif bandar pintar iaitu merancang, menyelaras, melaksana dan memantau projek – projek bandar pintar melibatkan teknologi ICT dan IoT.
- Pengurusan data GIS dan mahir menggunakan perisian GIS seperti ArcGIS, QGIS dan lain – lain untuk memudahkan pengurusan data.
- Integrasi teknologi ICT / IoT dengan infrastruktur seperti sistem lampu isyarat pintar, CCTV dan lain – lain
- Menyediakan cadangan teknikal untuk integrasi yang melibatkan teknologi pintar dan GIS
- Mengurus dan menyelia bilik kawalan (Command Center).
- Menyediakan laporan, dokumentasi teknikal serta meberi latihan berkaitan penggunaan sistem GIS dan bandar pintar.
- Bekerjasama dengan bahagian yang lain untuk pengurusan bandar pintar dan GIS.
- Mengikuti perkembangan teknologi dan trend terkini dalam teknologi bandar pintar dan GIS.
-

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**KEUTAMAAN KEPERLUAN
BIDANG**

- :
- Diploma Sains Komputer
 - Diploma Teknologi Maklumat
 - Diploma Kejuruteraan Komputer
 - Diploma Pembangunan Perisian (Internet dan Multimedia)
 - Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)

PENTADBIR PANGKALAN DATA

KEUTAMAAN kepada calon yang mempunyai kemahiran, menguasai dan pengalaman dalam sistem pengurusan pangkalan data seperti *Oracle*, *MySQL*, *SQL Server*, *PostgreSQL*, *mariaDB* atau / dan lain – lain serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, analitikal, semangat kerjasama kerja berpasukan dan komunikasi yang baik.

PEMBANGUN APLIKASI DAN WEB

KEUTAMAAN kepada calon yang mempunyai kemahiran, menguasai dan pengalaman dalam pembangunan aplikasi mudah alih dan web, mahir dalam teknologi seperti *Ract*, *Flutter*, *Node.js* atau seumpamanya serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, analitikal, semangat kerjasama kerja berpasukan dan komunikasi yang baik.

PENGURUSAN BANDAR PINTAR DAN GIS

KEUTAMAAN kepada calon yang mempunyai kemahiran, menguasai dan pengalaman dalam pengurusan bandar pintar, mahir menggunakan perisian GIS seperti *ArcGIS*, *QGIS* dan lain – lain serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, analitikal, semangat kerjasama kerja berpasukan dan komunikasi yang baik.

TARIKH TUTUP IKLAN


: 4 JULAI 2025

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:
 - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
 - (ii) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini
 - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.



(MUHAMMAD FAIZAL SHAH BIN SAFIAN SURI) PMP, AMP
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

TARIKH : 19 JUN 2025 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.11